

Rakyat perlu terima hakikat salah laku Najib

Putrajaya: Perbuatan salah Kerajaan Barisan Nasional (BN) di bawah Datuk Seri Najib Razak, sememangnya menjadi masalah besar yang mengganggu pemulihan negara dan kesejahteraan rakyat, kata Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, rakyat mungkin bosan dengan cerita dan laporan berkenaan perbuatan pemerintah dahulu, tetapi itu hakikat yang berlaku.

"Hasil tindakan yang diambil untuk runding semula kontrak yang dilulus oleh Najib sendiri, negara berjaya menyelamatkan RM22.8 bilion.

"Kita juga dapat balik wang yang

dicuri berbilion ringgit.

"Walaupun segala kesalahan Najib didedah, Najib dan rakannya masih mempertikaikan berlaku salah guna kuasa, rasuah dan penipuan oleh mereka, demikian juga dengan pengikut mereka.

Cuba burukkan PH

"Kerana tidak dapat membuktikan kebenaran mereka, mereka beralih kepada memburuk Kerajaan Pakatan Harapan (PH), dengan menuduh kononnya PH tidak mendaulatkan Islam dan Perlembagaan," katanya dalam Perutusan Perdana Setahun Malaysia Baharu Kerajaan Pakatan Harapan, di Pusat Konvensyen Antarabangsa Pu-

trajaya (PICC), di sini, semalam.

Dr Mahathir berkata, Kerajaan Amerika dan Singapura baru-baru ini sudah memulangkan wang 1Malaysia Development Bhd (1MDB) yang dicuri dan cuba diubah dengan membeli harta mewah di negara berkenaan.

"Satu soalan yang mungkin perlu mereka tanya kepada diri mereka ialah, dari mana datang wang yang sebegitu banyak yang dipulangkan oleh Kerajaan Amerika dan Singapura.

"Bagaimanakah beg mewah, barang kemas dan wang tunai berbilion yang dikenali pasti sebagai milik (Datin Seri) Rosmah Mansor boleh didapati di flat milik Ros-

mah," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan sedar ramai dalam kalangan rakyat yang tidak berpuas hati dan menuduh Kerajaan PH gagal memenuhi beberapa janji, yang terdapat di dalam manifesto.

Usaha penuhi janji

Katanya, walaupun terdapat sedikit kelewatan, tetapi Kerajaan PH terus berusaha untuk memenuhi janji seperti yang terkandung di dalam *Buku Harapan - Membina Negara Memenuhi Harapan*.

"Pertamanya, saya terangkan sebelum ini bahawa apabila kita mengambil alih kerajaan, kita dapat kerosakan yang berlaku begitu

besar, sehingga kita dapati kita tiada berkeupayaan untuk memenuhi janji itu seberapa segera yang mungkin.

"Malahan, keutamaan berubah apabila kita dapati kerosakan yang berlaku itu terlampau parah dan perlu kita selesaikan terlebih dahulu.

"Umpamanya untuk hapus tol PLUS sahaja, RM30 bilion diperlukan dan beberapa bilion lagi untuk memperbaiki jalan tiap tahun.

"Jika jalan baharu perlu dibangunkan kerajaan perlu, sedangkan kerajaan terpaksa bayar hutang berbilion ringgit setahun untuk puluhan tahun," katanya.